Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 23/12/2019 | MUKA SURAT | : | 29 |
| JABATAN | : | SPAN / AIR SELANGOR | | | |
| KLASIFIKASI | : | **PERHATIAN** | | | |

# 'Dah kerap berlaku'

***Penduduk terjejas gangguan bekalan air harap masalah dapat diselesaikan segera***

ASYRAF MUHAMMAD

SUBANG JAYA



Penduduk menanti giliran bagi mengambil bekalan air yang disediakan Air Selangor di PKS USJ4 semalam.

Penduduk yang terjejas akibat gangguan bekalan air ekoran Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih yang terpaksa dihenti tugas berharap supaya permasalahan itu dapat diselesai secepat mungkin.

Tinjauan *Sinar Harian* di Pusat Khidmat Setempat (PKS) USJ4, Jalan USJ4/5 mendapati rata-rata penduduk mula mengambil bekalan air yang disediakan Air Selangor.

Penduduk di USJ3, Viraj Thomas, 45, berkata, pihak berkaitan perlu memainkan peranan bagi mengatasi masalah tersebut yang dilihat beberapa kali berlaku dalam tempoh setahun.

Katanya, pihaknya memahami isu gangguan bekalan air pada kali ini adalah disebabkan oleh pencemaran bau namun perkara itu sewajarnya ditangani dengan lebih berkesan.

"Isu pencemaran seperti ini bukan hanya kali ini berlaku dan sepatutnya pihak yang berkaitan kena bersiap sedia bagi menggelakkan berlakunya pencemaran terhadap sumber air ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Bagi penduduk di USJ2, Ahmad Shah Rosli, 40, bekalan air di kawasan berkenaan mulai rendah sejak petang kelmarin sekali gus menyukarkan mereka menjalankan aktiviti harian.


AHMAD SHAH

"Semalam (kelmarin) kebetulan saya perlu bertugas menyediakan perkhidmatan katering dalam satu majlis dan bila gangguan bekalan air berlaku, ia menyukarkan saya.

"Pinggan dan perkakasan yang digunakan sewaktu majlis masih belum dicuci sehingga kini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

## LRA SEMENYIH DIHENTI TUGAS

Sebelum ini, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Air Selangor, Abdul Halem Mat Som berkata, LRA Semenyih yang menjadi sumber air mentah terpaksa dihenti tugas sepenuhnya dan menyebabkan 348 kawasan bakal terjejas dengan gangguan bekalan air tidak berjadual serta berskala besar.